



# **LAPORAN TAHUNAN**

# **2021**

## **JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI**

### **HOSPITAL TAIPING**

## 1. PENGENALAN

Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Taiping, Perak merupakan sebuah jabatan sokongan klinikal yang terdiri daripada empat bahagian iaitu bahagian kualiti, kutipan darah, makmal transfusi dan transfusi klinikal.

## 2. VISI DAN MISI

### VISI

Untuk menyediakan produk darah dan darah yang mencukupi dan selamat demi kepentingan pesakit.

### MISI

Untuk berusaha dalam menyediakan perkhidmatan Perubatan Transfusi berkualiti melalui kerja berpasukan, dan etika kerja profesional, yang disokong oleh pengetahuan berdasarkan bukti semasa dan penerapan sikap inovatif, semua ini adalah untuk kesejahteraan pesakit, penderma darah, individu dalam perawatan kesihatan dan orang awam.

## 3. PIAGAM PELANGGAN

- Menjamin keselamatan penderma darah semasa menderma.
- Memastikan bekalan darah mencukupi melalui kempen menderma darah
- Memastikan pesakit dibekalkan dengan produk darah dan darah yang selamat dan berkualiti secara klinikal dan tepat pada masanya
- Konsultasi komprehensif berkaitan dengan terapi transfusi darah untuk pesakit yang berdarah.
- Perkhidmatan yang diberikan adalah mengikut prosedur standard dan dipantau oleh Sistem Jaminan Kualiti.
- Maklumat setiap pesakit dan penderma, termasuk hasil makmal adalah rahsia.

## 4. LOKASI JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI

Jabatan Perubatan Transfusi terletak di Aras 1, Bangunan Blok Servis Klinikal, Hospital Taiping. Selain berada di lobi utama, kami juga berhampiran dengan Jabatan Kecemasan dan Dewan Pembedahan. Ia bukan sahaja memudahkan penderma untuk datang menderma darah malah begitu hampir dengan blok klinikal yang memerlukan pemindahan darah.


## 5. OBJEKTIF

- Menjalankan aktiviti kutipan darah melalui sekumpulan penderma darah yang selamat.
- Mengekalkan kumpulan penderma darah yang selamat melalui pendermaan dari penderma darah tetap.
- Membekalkan darah dan komponen-komponen darah yang selamat dan mencukupi selari dengan amalan pengumpulan serta penstoran darah mengikut piawaian antarabangsa.
- Bekerjasama dengan Pegawai Perubatan Klinikal bagi memastikan pesakit menerima rawatan transfusi darah yang sesuai dengan diagnosis klinikal.
- Mewujudkan dan mengekalkan hubungan kerjasama antara hospital kluster melalui latihan dan pembangunan selaras dengan keperluan dalam bidang perubatan terkini.

6. CARTA ORGANISASI



CARTA ORGANISASI JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI, HOSPITAL TAIPING



Tarikh Berkuatkuasa : 1 Januari 2022

Disediakan Oleh :  
DR. UMMI KALSOM BINTI SHAFIE  
PEGAWAI PERUBATAN UD48  
HOSPITAL TAIPING

Disahkan Oleh :  
DR. NURULRAIHAN BINTI MOHAMEDZAWAWI  
PAKAR PERUBATAN TRANSFUSI  
HOSPITAL TAIPING

## 7. SKOP PERKHIDMATAN

Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Taiping memberi perkhidmatan dalam bidang – bidang seperti:

- Kutipan Darah
- Makmal Immunohematologi
- Transfusi Klinikal

Perkhidmatan ini merangkumi Wad-wad, Dewan Bedah, Hospital Kluster Perak Utara ( Hospital Gerik, Hospital Kuala Kangsar, Hospital Selama dan Hospital Parit Buntar), Hospital-hospital Swasta (Hospital Colombia Asia, Hospital KPJ, Hospital Apollo dan Larut Medical Centre) serta Klinik kesihatan kerajaan.

Bagi ujian yang tidak ditawarkan, spesimen akan dihantar ke makmal rujukan iaitu Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) dan Pusat Darah Negara

## 8. WAKTU PERKHIDMATAN

Operasi perkhidmatan Jabatan Perubatan Transfusi adalah pada waktu pejabat dan bertugas atas panggilan (oncall) untuk selepas waktu pejabat adalah seperti berikut:

Waktu pejabat	Makmal Immunohematologi & Transfusi Klinikal	Kutipan darah
	8.00 pagi – 5.00 petang	8.00 pagi – 5.00 petang
Selepas waktu pejabat	5.00 petang – 8.00 pagi keesokan hari	TUTUP
Hari minggu & cuti umum	8.00 pagi – 8.00 pagi keesokan hari	Bergantung Kepada Program Menderma Darah

**9. CONTINUING MEDICAL EDUCATION (CME)**

BIL.	TARIKH	PERKARA
1.	8.1.2021	<i>CME: PRODUCTION OF BLOOD COMPONENTS</i>
2.	24.3.2021	<i>CME: BLOOD SUPPLY MANAGEMENT</i>
3.	2.4.2021	<i>CME: BLOOD GROUPING</i>
4.	8.10.2021	<i>CME: INOVASI : T-COVER TRANSFUSION</i>
5.	22.10.2021	<i>CME: PRE-TRANSFUSION TESTING</i>
6.	19.11.2021	<i>CME: PAEDIATRIC &amp; TRANSFUSION IN SPECIAL CIRCUMSTANCES</i>

**10. AKTIVITI-AKTIVITI JABATAN SEPANJANG TAHUN 2021**

**10.1 SAMBUTAN HARI PENDERMA DARAH SEDUNIA**

Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia merupakan acara tahunan yang disambut bagi memberi kesedaran tentang kepentingan menderma darah kepada masyarakat umum terutamanya golongan - golongan muda dan juga kepada mereka yang pernah menderma darah.

Program ini juga bertujuan untuk menghargai jasa dan pengorbanan para penderma serta persatuan keagamaan, NGO, sekolah menengah, agensi kerajaan/swasta dan banyak lagi, yang tidak jemu-jemu berkolaborasi bersama pihak Tabung Darah.

Pada Tahun 2021, Hospital Taiping telah menganjurkan sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kluster Perak Utara. Sambutan tersebut telah diadakan pada 28hb Ogos 2021 bertempat di Jabatan Perubatan Transfusi dan telah dirasmikan oleh Dr. Roshida Binti Md Rashid, Timbalan Pengarah (Perubatan) dengan tema "Derma Darah: Teruskan Nadi Kehidupan".

Sebanyak 16 penganjur dan seramai 48 orang penderma darah dengan jumlah pendermaan yang tertinggi telah menerima anugerah pada majlis tersebut.

**10.2 KARNIVAL DERMA DARAH 1.0 DAN 2.0 STAFF SAVES LIVES**

Buat julung kalinya, Jabatan Perubatan Transfusi telah menganjurkan Karnival Derma Darah 1.0 pada 14 Disember 2020 hingga 15 Januari 2021. Objektif utama karnival ini diadakan bertujuan untuk membantu menambah bekalan darah di Tabung Darah, Hospital Taiping dan

menggalakkan staff Hospital Taiping untuk menderma darah secara berterusan. Tempoh pelaksanaan karnival ini adalah selama sebulan dan ia terbuka kepada semua staff Hospital Taiping.

Setiap penderma yang berjaya menderma akan menerima cenderahati manakala dua buah jabatan / unit yang merekodkan jumlah penderma paling tinggi akan menerima hadiah istimewa sebagai tanda penghargaan dan sokongan dalam menjayakan program ini. Seramai 104 orang staff telah hadir menderma sepanjang karnival ini berlangsung dengan menyaksikan Syarikat Edgenta Mediserve Healthcare mencatatkan jumlah penderma tertinggi manakala Jabatan Pediatrik mengungguli di tempat kedua.

Karnival Derma Darah 2.0 pula telah diadakan pada 24 Mei hingga 30 Jun 2020. Sambutan yang diterima amat baik di mana seramai 141 orang staff telah hadir menderma darah di Tabung Darah. Pada kali ini, Unit Pemulihan Cara Kerja merekodkan jumlah penderma tertinggi manakala tempat kedua adalah Jabatan Pembedahan.

### **10.3 MAJLIS PENGHARGAAN KARNIVAL DERMA DARAH 2.0 DAN PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN REKA CIPTA LOGO DAN VIDEO PENDEK DERMA DARAH TAIPING**

Bersempena dengan sambutan Hari Penderma Darah Sedunia yang disambut pada 14 Jun setiap tahun, Jabatan Perubatan Transfusi telah menganjurkan Pertandingan Reka Cipta Logo dan Video Pendek selama sebulan iaitu bermula 1 hingga 30 Jun 2021, manakala bagi Karnival Derma Darah 2.0 pula telah berlangsung dari 24 Mei hingga 30 Jun 2021.

Sambutan yang diterima bagi kedua-dua pertandingan ini adalah amat baik di mana sebanyak 19 penyertaan diterima untuk pertandingan reka cipta logo manakala pertandingan video pendek pula menerima 8 penyertaan.

Penglibatan staff dalam Karnival Derma Darah 2.0 juga bertambah baik apabila seramai 141 penderma darah dikalangan staff telah hadir menderma berbanding 104 yang menderma semasa Karnival Derma Darah 1.0 yang lalu.

Majlis Penghargaan Karnival Derma Darah 2.0 dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Reka Cipta Logo dan Video Pendek Derma Darah Taiping telah diadakan pada 14 Julai 2021 bertempat di Ruang *Donor Refreshment*, Jabatan Perubatan Transfusi. Acara penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Pengarah Hospital Taiping, Dr. Hajah Narimah Binti Yusof dengan diiringi oleh Ketua Jabatan Perubatan Transfusi, Dr. Nurulraihan Binti Mohamed Zawawi. Turut hadir, Dr. Roshida Binti Md Rashid Timbalan Pengarah Perubatan dan Puan Arni Nadhirah Binti Abdul Hadi Timbalan Pengarah Pengurusan.

#### 10.4 TAZKIRAH RAMADHAN

Sepanjang bulan Ramadhan yang lalu, Jabatan Perubatan Transfusi telah mengadakan 3 sesi tazkirah Ramadhan yang diadakan pada setiap hari Jumaat (sebanyak 3 kali). Tazkirah Ramadhan telah disampaikan oleh Ustazah Sharifah Binti Ismail dan dihadiri oleh staff Jabatan Perubatan Transfusi.

Pelbagai kupasan tajuk telah disampaikan antaranya keberkatan al-quran, mencari lailatul qadar dan kemusykilan berkenaan qada' puasa, fidyah dan kafarah. Semoga majlis ilmu seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

#### 10.5 PERTANDINGAN INOVASI

Pada tahun 2021, Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Taiping telah berpeluang untuk menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi Kementerian Kesihatan Malaysia 2021 yang berlangsung pada bulan Oktober 2021 secara dalam talian. Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Taiping telah terpilih sebagai salah satu wakil bagi mewakili negeri Perak untuk kategori produk.

Projek inovasi yang diperkenalkan adalah produk *T-cover*. Produk ini merupakan salah satu kaedah penambahbaikan untuk menutup aurat pernderma darah muslimah yang datang menderma sama ada di pusat derma darah atau di pendermaan darah bergerak.

Projek ini diwakili oleh 4 orang staf dari Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Taiping iaitu Dr. Norhayani Bt Yahya ( Pegawai Perubatan UD48), Salina Bt Zakaria (Jururawat TBK U32), Suria Bt Norbi (JTMP U32 KUP), Siti Nor Khalilah Bt Abdullah Halim (Penolong Pegawai Penerangan S32). Projek ini berjaya sehingga dibawa mewakili negeri Perak ke peringkat saringan yang berlangsung atas talian pada 21 september 2021.

#### 10.6 AUDIT KLINIKAL

Satu kajian audit klinikal telah julung kali dijalankan pada tahun 2021. Dalam kajian ini, audit dijalankan secara prospektif dan telah dibuat dengan melihat semua sampel yang ditolak di Makmal Perubatan Transfusi. Ia telah dijalankan dari 1 Disember 2020 hingga 31 Disember 2020 ( 4 minggu). Semua sampel yang memenuhi kriteria penolakan sampel dimasukkan ke dalam audit ini tidak termasuk pesakit Pediatrik dan Kecemasan. Kriteria penolakan yang termasuk dalam audit ini adalah permintaan bertindih, sampel darah tidak mencukupi, sampel lisis dan sampel tidak berlabel.

Data mengenai penolakan sampel telah diekstrak daripada *Blood Bank Information System* (BBIS) menggunakan borang pengumpulan data oleh Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP). Analisis deskriptif dilakukan menggunakan *Microsoft Excel* untuk menerangkan pembolehubah dalam audit berhubung dengan bilangan dan peratusan penolakan sampel,

sebab penolakan dan sama ada wad dimaklumkan tentang penolakan tersebut. Daripada data, sejumlah 60 sampel telah ditolak dalam tempoh audit ini.

Hasil kajian telah menunjukkan bahawa, daripada jumlah 60 sampel yang termasuk dalam kohort, kesemua 60 sampel (100%) yang memenuhi kriteria penolakan sampel telah ditolak. SOP kriteria penolakan sampel diikuti. Pihak wad klinikal telah dimaklumkan tentang penolakan dan sebab penolakan. Data juga dikemas kini dalam BBIS.

Di antara 60 sampel ini, 25 (41.7%) ditolak kerana permintaan bertindih, 13 (21.7%) ditolak kerana sampel tidak mencukupi, 12 (20%) kerana tidak berlabel dan 10 (16.6%) kerana sampel lisis.

Kesimpulannya, didapati semua sampel yang memenuhi kriteria penolakan telah ditolak daripada makmal dan mengikut SOP. Kebanyakan sampel telah ditolak kerana permintaan bertindih diikuti dengan sampel yang tidak mencukupi, sampel tidak berlabel dan sampel lisis.

Kualiti sampel yang tidak baik boleh menyebabkan kesukaran teknikal semasa menjalankan ujian dan dikaitkan dengan masa pembekalan yang berpanjangan. Selain itu, ralat makmal juga mungkin berlaku yang boleh menyebabkan kejadian nyaris atau ralat transfusi sebenar. Ia juga menunjukkan bahawa semua penolakan sampel telah dimaklumkan kepada wad masing-masing beserta sebab penolakan tersebut. Doktor perlu mengatur sampel untuk diambil semula.

Dimaklumkan bahawa semua kakitangan di Makmal Perubatan Transfusi mematuhi SOP semasa mengendalikan sampel terutamanya penolakan sampel.

## 11. TEMUBUAL RADIO PERAK FM

11.1 PKP: Bukan Halangan Kepada Penderma Darah – 1hb Februari 2021

11.2 Pendermaan Darah Sempena Bulan Kemerdekaan – 28hb Ogos 2021

## 12. MYCPD

BIL	NAMA ANGGOTA	CPD POINT
1	Dr Nurulraihan Bt Mohamed Zawawi	51
2	Dr. Sallehuddin B. Zabri	33
3	Dr. Ummi Kalsom Binti Shafie	35
4	Dr Norhayani Binti Yahya	34

5	Siti Nor Khalilah Binti Abdullah Halim	TIADA
6	Mohamad Shahiran Bin Mohamed Jamiludin	TIADA
7	Rodiah Bt. Yahaya	61
8	Salina Bt. Zakaria	65
9	Sharifah Bt. Ismail	46
10	Surayni Bt Mohamed Yusof	56
11	Kamsiah Binti Saidin	48
12	Suaibatul Aslamiah Binti Asnawi	61
13	Mastura Binti Ahmad	20
14	Zaiton Bt. Ismail	56
15	Suria Bt. Ahmad Norbi	52
16	Rohani Bt. Mohd Arsad	52
17	Mohd Redzuan B. Umat	42
18	Saraneyasree A/P Subramaniam	45
19	Muhd Salmi B. Ibrahim	TIADA
20	Mohd Hafizullah B. Abas	TIADA

### 13. KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Tiada kajian kepuasan pelanggan dilaksanakan pada tahun 2021 kerana wabak COVID-19.

### 14. MESYUARAT

Mesyuarat yang berkaitan perkhidmatan transfusi di peringkat jabatan dan hospital telah diadakan secara bersemuka, manakala mesyuarat di peringkat Negeri pula telah diadakan sedara atas talian. Berikut ialah senarai mesyuarat yang telah dijalankan pada tahun 2021:

Bil.	Tarikh	Mesyuarat
1.	8.1.2021	Mesyuarat Jabatan Perubatan Transfusi
2.	3.5.2021	Mesyuarat Jawatankuasa Transfusi Hospital Taiping

3.	18.5.2021	Mesyuarat Perkhidmatan Transfusi Negeri Perak
4.	30.12.2021	Mesyuarat Jabatan Perubatan Transfusi
5	2.12.2021	Mesyuarat Perkhidmatan Transfusi Negeri Perak

## 15. LAPORAN PENCAPAIAN TAHUNAN

### 15.1 Statistik Perkhidmatan

Secara keseluruhannya beban kerja Jabatan Perubatan Transfusi pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sebanyak 2.0%. Statistik jumlah beban kerja adalah seperti berikut:

BULAN	BEBAN KERJA	
	2020	2021
Januari	50324	55915
Februari	56500	62777
Mac	65825	73139
April	67832	67831
Mei	49257	54730
Jun	36059	40065
Julai	43947	48830
Ogos	46781	51979
September	51277	56974
Oktober	49975	55528
November	52079	57866
Disember	50665	56295
Total	620521	632672
<b>Peratusan (%) peningkatan beban kerja</b>	<b>3.4</b>	<b>2.0</b>

### 15.2 Statistik Perawatan Pesakit dan Pendermaan Darah

Jabatan ini menguruskan pendermaan darah bagi menampung keperluan transfusi darah. Statistik perkhidmatan yang ditawarkan adalah seperti berikut:

#### Statistik Perkhidmatan Tahun 2020 dan 2021

Perkhidmatan	Bil. Kes/Sampel	
	2020	2021
1. Blood Grouping	67476	55339
2. Cross-Matching	11035	13732

3. Rh Phenotyping	449	269
4. DAT	645	2082
5. IAT	550	2082
6. Group Screen Hold (GSH)	25325	29651
7. Antibody Identification	447	393
8. Transfusion Reaction	22	5
9. Haemoglobin	10367	14379
10. Lain-lain	468	0
<b>Jumlah</b>	<b>116,784</b>	<b>117932</b>

**Pendermaan Darah Jabatan Perubatan Transfusi Tahun 2020 dan 2021**

BIL.	PERKHIDMATAN	JUMLAH	
		2020	2021
1.	Pendermaan darah ( <i>walk in</i> )	3790	3988
2.	Pendermaan darah ( <i>mobile</i> )	6437	7449
4.	<i>Adverse donor reactions</i>	54	93
5.	Penderma seroconvert	30	6
6.	Penerima seroconvert	0	0
7.	Pelalian Hepatitis B kepada penderma regular	32	34

**15.3 Statistik Pencapaian Objektif**

Jabatan ini telah mencapai standard indicator NIA Tahun 2021 yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Laporan NIA tahun 2021 adalah seperti berikut:

**LAPORAN NIA JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI TAHUN 2021**

No.	Indicators	Standard	Performance/Achievement	Action taken
1.	Crossmatch : Transfusion ratio (C:T ratio)	Efficiency <2:1	Achieved	Nil
2.	Expiry rate of red cells	Blood inventory <5 % of total collection	Achieved	Nil
3.	Transfusion error rate	Safety (Zero defect)	3 (near misses)	1. RCPA has been carried out.
4.	External QA Blood	Correctness	Satisfactory	Nil

Banking a) ABO and Rh Grouping b) Antibody Screening c) Antibody Identification			
--	--	--	--

## 16. MASALAH

### I. Perjawatan

Bil	Perjawatan	Diisi	Kekosongan	Jumlah
1	Pakar Perubatan	1	0	1
2	Pegawai Perubatan	3	1	4
3	Penolong Pegawai Penerangan	2	0	2
4	Jururawat Terlatih	6	0	6
5	Juruteknologi Makmal Perubatan U29/KUP32	5	1	6
6	Juruteknologi Makmal Perubatan U32	1	1	2
7	Pembantu Perawatan Kesihatan	2	2	4

Berdasarkan jadual perjawatan di atas, Jabatan ini kekurangan staf terutama sekali JTMP yang menjalankan tugas di Makmal Transfusi. Keadaan ini menjejaskan TAT keputusan ujian dan pembekalan darah. Ia juga meningkatkan risiko *transfusion error* serta menjejaskan produktiviti staf dan jabatan.

II. Aset Perubatan

BIL	PERALATAN	ANGGARAN HARGA SEUNIT (RM)	BIL. KEPERLUAN	ANGGARAN JUMLAH HARGA (RM)	JUSTIFIKASI
1.	Platelet Agitator With Incubator	50,000	1	50,000	Untuk menyimpan stok platelet (Random dan Apheresis Platelet) Alat sedia ada kerap rosak
2.	Plasma Thawer	40,000	1	40,000	Untuk mencairkan 'frozen plasma' seperti FFP & Cryoprecipitate Mesin yang ada kerap rosak
3.	Gel Card Incubator	14,000	1	14,000	Untuk mengawal suhu 'ID-cards' semasa ujian keserasian darah. Pada masa ini terdapat sebuah 'Gel Card Incubator' yang kerap rosak. Ia tidak mencukupi untuk menampung beban tugas sedia ada dan menjejaskan 'turn around time' pembekalan darah. Hal ini menyebabkan pesakit tidak dapat menerima transfusi darah dengan kadar masa yang sepatutnya dan boleh meningkatkan kadar morbidity pesakit.
4.	Centrifuge	14,000	1	14,000	Untuk mengemparkan 'ID-cards' semasa ujian keserasian darah. Pada masa ini terdapat 2 buah centrifuge tetapi tidak mencukupi untuk menampung beban tugas sedia ada dan menjejaskan 'turn around time' pembekalan darah. Hal ini menyebabkan pesakit tidak dapat menerima transfusi dengan kadar masa yang sepatutnya dan boleh meningkatkan kadar morbidity pesakit.
5.	Serofuge	14,000	1	14,000	Untuk mengemparkan sampel darah semasa ujian keserasian darah. Pada masa ini terdapat 2 buah serofuge tetapi tidak mencukupi untuk menampung beban tugas sedia ada dan menjejaskan 'turn around time' pembekalan darah. Hal ini menyebabkan pesakit tidak dapat menerima transfusi dengan kadar masa yang sepatutnya dan boleh meningkatkan kadar morbidity pesakit.

Berdasarkan jadual permohonan aset di atas, jabatan ini kekurangan beberapa aset terutama sekali aset yang melibatkan tugas di Makmal Transfusi. Keadaan ini menjejaskan TAT keputusan ujian dan pembekalan darah. Ia juga meningkatkan risiko transfusion error serta menjejaskan produktiviti staf dan jabatan.

## 17. PERANCANGAN TAHUN 2022

Jabatan Perubatan Transfusi telah mula melaksanakan Pendermaan Aferesis iaitu pendermaan komponen darah yang mengandungi plasma atau platelet ataupun keduanya sekali, dimana komponen darah yang tidak diperlukan dikembalikan ke dalam badan penderma semula. Melalui pendermaan ini, bekalan platelet dijangka akan lebih stabil untuk memenuhi keperluan pesakit di Hospital Taiping.

BIL	PERANCANGAN 2022 JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI
1.	Meningkatkan kutipan darah untuk memenuhi keperluan semasa yang semakin meningkat disebabkan pertambahan servis di Hospital Taiping. -Menarik minat penderma darah untuk menderma darah di Tabung Darah Hospital Taiping (Centre). Target: -Kutipan 'centre': > 30% daripada jumlah kutipan
2.	Program Derma Darah  -Kempen "Staff Saves Lives" untuk kakitangan Hospital Taiping -Kempen "Donor Bring Donor" -Kolaborasi bersama jabatan-jabatan lain seperti Hari Kanak-kanak Sedunia, Hari Thalassemia, Hari Kesihatan Mental Sedunia dan lain-lain. -Sambutan Hari Penderma Darah Sedunia Peringkat Kluster Perak Utara 2022
3.	Memantapkan registri penderma darah Aferesis bagi kumpulan darah A, B dan O.
4.	Mendapatkan slot temubual tetap di stesen radio Perak fm untuk Perkhidmatan Transfusi.  -Memberi pendedahan kepada masyarakat tentang kebaikan derma darah dan proses derma darah -Berkerjasama dengan media massa untuk menyampaikan maklumat terkini tentang pendermaan darah
5.	Ikon Penderma Darah

	-Bertujuan untuk mengajak masyarakat untuk menderma darah dan bersama-sama bekerjasama dengan Tabung Darah Hospital Taiping dalam "Blood Donation Promotion"
6.	Mewujudkan Registri Penderma Darah Ganjil (Rare Blood Donor)  -Melakukan ujian fenotip darah ke atas penderma darah dan seterusnya dapat mewujudkan registri bagi penderma darah Taiping. <b>Rare Donor Registry</b> -Common phenotype -Rare Phenotype -Extremely Rare Phenotype
7.	Mencapai KPI Transfusi bagi Tahun 2022

## 18. Kesimpulan

Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Taiping memainkan peranan penting dalam perkhidmatan yang disediakan di Hospital Taiping. Secara keseluruhannya, statistik pencapaian dari segi perkhidmatan, objektif dan NIA menunjukkan jabatan ini berada di landasan yang betul untuk terus memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan. Selain itu, kerjasama dan komitmen padu yang ditunjukkan oleh pihak pengurusan hospital serta pengawasan yang baik oleh Ketua Unit dan Ketua Jabatan, segala masalah dapat di atasi seterusnya dapat merancang aktiviti yang lebih baik di masa hadapan.

Beban kerja juga bertambah seiring dengan pertambahan jumlah pesakit yang datang ke hospital dan pertambahan servis baru. Walau bagaimanapun, setakat ini, jabatan transfusi masih mampu untuk menampung pertambahan bilangan spesimen yang perlu dianalisis. Jumlah kutipan darah dilihat meningkat sedikit berbanding tahun lepas walaupun terdapat beberapa kesukaran untuk melakukan kempen derma darah semasa pandemik Covid-19. Jumlah penggunaan darah pula semakin bertambah pada tahun 2021 menjadikan kutipan darah pada tahun lepas masih tidak mencukupi. Oleh itu, beberapa strategi perlu dilakukan pada tahun 2022 untuk meningkatkan jumlah kutipan darah.

Beberapa pembaharuan juga perlu dilakukan dalam pelan tindakan 2022 bagi meningkatkan mutu kerja yang lebih baik dan efisien di kalangan kakitangan Jabatan Perubatan Transfusi Hospital Taiping.